

**EDAR 200 BEG 'ANTI-LITTER' KIKIS SIKAP BUANG SAMPAH  
DARI KENDERAAN**

**KOTA BHARU, 13 Feb 2020** – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) mempergiatkan kempen 'anti-litter' kepada orang awam khususnya pengguna kenderaan bagi mengekalkan kelestarian alam sekitar serta mengubah minda masyarakat agar lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Dato' Mohd Zain Hassan, kempen tersebut adalah antara usaha berterusan Alam Flora ke arah menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan persekitaran. Tabiat membuang sampah merata-rata seperti dari kenderaan wajar dikikis segera kerana ianya boleh menyumbang kepada persekitaran yang tidak bersih terutamanya di persimpangan lampu isyarat, jalan-jalan utama serta tempat tumpuan umum.

"Kita sepatutnya menyimpan terlebih dahulu sampah dari dalam kenderaan dengan menggunakan beg seperti yang diedarkan oleh Alam Flora pada hari ini atau pun apa juga jenis beg, sehinggalah tiba ke destinasi, stesen minyak atau kawasan rehat dan rawat (R&R) untuk dibuang ke dalam tong sampah," tegas Mohd Zain.

Beliau berkata demikian selepas aktiviti 'plogging' oleh 100 pelajar sekolah, penyampaian hadiah Kutipan Bahan Kitar Semula Terbanyak, sijil penghargaan Rakan Kitar Semula dan pengedaran 200 beg 'Anti-Litter' kepada orang ramai di sekitar Pasar Siti Khadijah untuk program Kempen Anti Litter sempena "Kempen Jupoh Sapoh Kutip Jange Tohok Kokse yang dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Hajjah Zuraida Kamaruddin.

Program ini juga selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari atau dalam bahasa Inggerisnya, Sustainable Development Goals (SDG) yang bukan hanya memfokuskan agenda alam sekitar (SDG 13), malah ianya juga menyentuh tentang kesejahteraan komuniti (SDG 11).

## Program Bantuan Khas

Di samping itu, Alam Flora juga akan menjalankan kerja-kerja kutipan sampah di Kota Bharu yang merupakan sebahagian dari program bantuan khas yang mula beroperasi hari ini selama 6 bulan. Program ini melibatkan 12 buah kenderaan serta 23 orang tenaga kerja yang didatangkan khas dari Kuala Lumpur dan Pahang. Alam Flora turut meletakkan 220 buah tong sampah bersaiz 660 liter dan 240 liter di sekitar kawasan yang terlibat.

Deskripsi	Jumlah	Keterangan
Kenderaan	12 buah	7 buah kompaktor, 1 buah triton, 1 buah tailgate, 1 buah motosikal, 1 buah open tipper, 1 buah van
Tong Sampah	200 unit	170 unit bersaiz 660 liter 50 unit bersaiz 240 liter
Tenaga Kerja	23 orang	1 team leader, 6 pemandu, 2 mekanik, 15 pekerja kutipan

## **MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:**

*Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), adalah anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), yang ditubuhkan bagi memodenkan pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta meningkatkan kecekapan dan mutu pengurusan sisa pepejal daripada peringkat penjanaaan sisa sehingga ke proses pelupusan sampah. Hasrat ini dilaksanakan menerusi penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam berkuatkuasa pada 1 September 2011.*

*Dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), Alam Flora tertakluk di bawah Perjanjian Konsesi selama 22 tahun dengan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) untuk kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam. Kini, Alam Flora merupakan salah sebuah syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan di kawasan Tengah dan Pantai Timur Semenanjung, meliputi seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan.*

---

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Azman Shawal |Pengurus, Bahagian Komunikasi & Penjenamaan |HP: 019.218.9288**  
[azman@alamflora.com.my](mailto:azman@alamflora.com.my)

**Farizan Hj. Yop |Penolong Pengurus, Bahagian Komunikasi & Penjenamaan |HP: 019.601.1678 | [farizan@alamflora.com.my](mailto:farizan@alamflora.com.my)**